


ISSUE #69/27 APRIL 2026

GEMPAK.


WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



Noor Nabifa:

LESS NOISE, MORE POWER



Pengaruh 'Classy', Jam Setara Harga Apartmen & 'Old Money'

Kredit Foto: Instagram Noor Nabila

Noor Nabila Mohd Noor pada realitinya hanya seorang wanita biasa. Mengikut biodata, Noor Nabila yang dipanggil Bella merupakan anak kedua, lahir di Pasir Mas, Kelantan dan berusia 36 tahun.

Meninjau profil di media sosial Instagram, Bella tidak pernah meletakkan status dirinya sebagai influencer atau pempengaruh. Bella hanya memperkenalkan dirinya sebagai usahawan.

Namun, dengan status usahawan, Bella sebenarnya sudah masuk kategori pempengaruh atau banyak memberi pengaruh kepada pengguna media sosial apabila diikuti sekitar 1.3 juta pengikut.

Populariti Bella boleh dikatakan setanding dengan adiknya, Neelofa yang merupakan seorang selebriti dan usahawan serta si bongsu dalam keluarga, Nur Ameera Khan atau LMK yang memang berstatus pempengaruh.

Pada masa sama, secara kebetulan, Bella pernah menikah dengan dua lelaki yang agak terkenal dalam bidang masing-masing ; salah seorangnya aktor Sharnaaz Ahmad dan mereka dikurniakan anak lelaki, Jebat Jaydean serta Engku Emran.

Aktiviti Bella selalu mendapat perhatian. Sama ada memasak atau berkongsi tips penjagaan kulit, pengaruh yang dibawa Bella cukup besar kepada netizen Malaysia. Dan jika diikutkan, Bella tidak pernah 'hard sell' dirinya untuk dikenali sebagai usahawan.

Semua kerja yang dilakukan sama ada bersama jenama Nealofar, kucate atau bukuh.kl, dilakukan atas trek seorang usahawan yang tidak mencari publisiti murahan atau pemasaran merepek.

Bella tidak terhegeh-hegeh. Dia mampu mengawal diri dalam dunia yang memerlukan validasi sekali gus kekal klasik. Se-klasik bagaimana dia 'mencantas' semua majlis rumah terbuka Aidilfitri hujung minggu lalu dengan cukup megah dan extravaganza lalu menjadi buah mulut dan trending berhari-hari.

Menariknya, netizen bukan hanya bercakap tentang suasana majlis yang sudah seperti acara pernikahan tetapi penampilan Bella 'dari atas sampai bawah'

Bayangkan, selain ada netizen yang mencongkak produk kecantikan Bella yang dikongsi sewaktu sebelum menyambut tetamu pada majlis raya itu mampu membayar deposit sebuah kereta, ramai terkesima saat tahu harga jam tangan Cartier model Baignoire yang dianggarkan berharga lebih RM250,000 dan setara harga apartmen!

Tapi Bella tidak melakukannya secara keterlaluan. Dia tidak bermegah-megah melilitkan badannya dengan penonjolan jenama. Dia juga tidak pernah mempamerkan kenderaan atau kediaman miliknya secara berlebihan.

Jika ada, Bella selalunya dilihat suka membeli-belah beg jenama mewah dan sangat obses dengan kecantikan dengan membelanjakan sekitar RM140,000 setahun untuk penjagaan diri.

Dengan mudah, Bella masuk kategori 'old money' tanpa perlu bersusah payah mencipta 'kisah dongeng'. merapu apa lagi menjatuhkan maruah. Bella hanya perlu menjadi seorang wanita klasik yang menebarkan pengaruh dengan cara 'memukau' khalayak menerusi penampilan dan perlakuan yang dipertontonkan di media sosial.

Itulah makna pempengaruh sebenar yang ditakrif Dewan Bahasa dan Pustaka ; asli, memberi impak dan berjaya mempengaruhi keputusan atau pandangan orang lain. - MALIAH SURIP





TTMM 2, Pertembungan Seni Mengurus & Kualiti Peserta

Sebenarnya, pepatah melayu yang berbunyi 'ke mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi' yang membawa maksud sifat, bakat atau perangai anak sedikit sebanyak akan mengikut ayah atau ibunya adalah benar dan cukup signifikan dengan program hiburan Talk To My Manager (TTMM) yang kembali memeriahkan kaca televisyen dengan musim kedua.

Sejak musim pertama, terutama kepada penggiat seni dan pengamal media yang sudah berkecimpung dalam dunia hiburan lebih 20 tahun, melihat anak-anak karyawan muzik berada di atas pentas TTMM telah menimbulkan satu perasaan kagum ; bagaimana bakat yang selama ini dimiliki oleh ibu atau bapa mereka tumpah hampir 'penuh' persis beberapa tahun silam.

Jika TTMM musim pertama menyaksikan bagaimana Talita atau nama sebenarnya, Dzahira Talita Zahra Shahmira kembali 'menghidupkan' kenangan dan aura arwah ibunya, Allahyarham Siti Sarah Raisuddin atau Amad mengambil bakat ibunya, Siti Saerah yang kariernya tidak bertahan lama, untuk TTMM musim kedua, 10 lagi bakat hebat anak-anak karyawan seni Malaysia bakal dicungkil dengan pendidikan secara tidak langsung dan salam kenal tentang dunia hiburan.

Saat bermulanya minggu pertama TTMM pada 19 April lalu di saluran Astro Ria, nama-nama seperti Althea, Ammara, Anggrek, Azeva Natassha, Cik B, Fariedz Fazley, Hussain, Kim Khairii, Ratu dan Viviana Zairi mula meniti di bibir peminat. Kesemua anak-anak pewaris generasi kini karyawan seni Malaysia ini mula diberi perhatian - hampir sama seperti yang pernah diperolehi ibu atau bapa mereka suatu ketika dahulu sehingga kini.

Keletah mereka, terutama anak Adira, Anggrek yang baru berusia 9 tahun pantas mencuri perhatian. Meski masih kanak-kanak, bakat tarian dan nyanyian Anggrek dilihat mengalir sejati daripada ibunya sang penyanyi yang juga bakatnya terserlah sewaktu menyertai program realiti Akademi Fantasia.

Melihat Azeva Natassha yang merupakan anak pasangan pelakon dan penerbit, Dato A. Aida bersama bekas suami, penyanyi Ameng Spring beraksi dengan yakin di atas pentas pula menguatkan hujah bahawa apa yang dikatakan darah daging, meski kedua ibu dan bapa telah berpisah, tetap tidak akan dapat 'membunuh' bakat yang ada dalam dirinya.

Begitu juga dengan Hussain, anak pelaku seni hebat, Jamilul Hayat yang ironi namanya tidak seharum pengurus lain menunjukkan kualiti vokalnya, ia membuktikan bahawa setiap darah seni yang mengalir dalam diri mereka, rugilah dipersiapkan tanpa digilap dengan betul.

Lantas, sebenarnya di TTMM, yang memainkan peranan besar, yang menjadi tali pemegang, yang menjadi tunggak pelayaran, yang bakal membantu anjakan karier para peserta adalah ibu atau bapa yang menjadi 'manager' atau pengurus.

Di sinilah, kita akan melihat 'seni' seorang pengurus mengelolakan produk mereka, mengurus krisis seperti kritikan yang diterima daripada para juri tetap dan peminat di pelbagai platform media sosial yang kadang tidak tahu mengkritik secara berhemah, menjalankan tanggungjawab mereka dengan kemas.

Sebagai pengurus, mereka juga harus 'meninggalkan pakaian' seorang ibu atau bapa yang di rumah, sebaliknya mengemudi dengan baik setiap sesuatu yang datang kepada produk mereka - sama ada daripada segi mental mahupun fizikal kerana seperti bahasa pasar yang selalu digunakan 'dunia ini keras', maka 'permainan' dunia hiburan juga tidak ringan.

TTMM hanya akan menjadi perbualan 'semusim'. Nanti apabila muncul program baharu yang lebih 'in' ia akan perlahan pudar. Para peserta yang pernah terlibat dalam program ini juga akan meneruskan kehidupan seperti biasa - ke sekolah atau bekerja bukan dalam bidang hiburan. Mereka bakal dilupakan dan sinar glamor pun malap perlahan-lahan - ya perit tapi itu kenyataan, maka cepat terbuai.

Bagaimanapun para peserta akan terus hidup dengan karisma yang bakal terbentuk hasil pelajaran yang diperoleh sepanjang terlibat dengan program ini jika tujuan utama adalah menggali potensi diri, mejadi pelajar dan pemerhati yang baik, bukan terlibat dalam TTMM untuk menjadi popular dan mengumpul pengikut di platform media sosial sebagai validasi yang menjadi ikutan masyarakat kini.

Sementara ibu dan bapa pula perlu bijak memisahkan 'pekerjaan' mengurus dan pengurus. Strategi yang baik dan bersifat jangka panjang perlu diperhalusi dari sekarang jika mahu anak-anak atau produk yang dijual tidak bersifat 'one hit wonder' sebaliknya berkualiti untuk industri hiburan untuk berabad lamanya.

Dan jika ada yang menyifatkan TTMM barangkali sebagai sebuah program tidak berfaedah atau bersifat maksiat, saring dan ambil yang positif kerana dunia memang penuh dengan hal-hal di antara garis nipis. Semoga segala sesuatu yang dilakukan tetap bermanfaat kepada semua. - MALIAH SURIP





Jadi Tumpuan Kerana Kemuliaan Hati, Abang Minyak Hitam Jalanan: “Bukan Saya Seorang Baik”

Penampilan lelaki dengan nama sebenar Mohd Yusof Mohd Noor ini cukup sederhana. Sehari-harian Yusof atau Ucop melakukan rutin sama - yang tidak mampu dilakukan oleh semua orang. Ucop seorang makenik. Tapi bukan makenik 'cap ayam' yang gunakan kepakaran membaiki motor untuk 'repair' ke jalan tidak berfaedah.

Ucop atau lebih sinonim dengan nama yang dipakai dalam platform media sosial, Abang Minyak Hitam Jalanan, menggunakan kepakarannya membaiki motor dengan cara tersendiri. Selain menjadikan pekerjaan makenik sebagai mata pencarian, di lapangan ini juga digunakan Ucop bukan hanya sedekah kudrat tetapi berbagi infak kepada golongan yang memerlukan.

“Bukan saya seorang baik, ramai lagi yang baik dalam Malaysia ini,” ujar Ucop dalam temu bual bersama TV Al Hijrah ; satu-satunya media massa yang menurutnya dipenuhi jemputan sejak tular kerana ibu tercinta peminat setia stesen televisyen tersebut.

Ya pada ketika ini, terutama dalam kalangan pengguna media sosial dan rakyat Malaysia yang mengambil tahu tentang perkembangan terkini di negara, Abang Minyak Hitam sedang duduk dalam piramid 'orang biasa' paling atas. Daripada orang berkemimpinan, selebriti sehingga marhaen bercakap tentang kemuliaan hati Abang Minyak Hitam Jalanan.

Semuanya gara-gara tular video Ucop membantu Dicky ; bapa tunggal yang mengalami masalah kerosakan motor dan pada masa sama kesempitan wang. Babak yang terjadi sangat ringkas.

Ucop tidak mahu menerima bayaran di atas servis yang dilakukan selepas ternampak duit dalam akaun Dicky hanya 'cukup-cukup' makan. Lalu kepada Dicky kata Ucop, dia ikhlas dan servis selesai melalui duit infak yang diberi kepadanya. Dicky terharu menangis sambil berpelukan.

Babak seterusnya lebih menjentik hati rakyat Malaysia apabila Dicky yang berbangsa Cina itu tidak kurang besar empatinya. Setelah mendapat gift hasil siaran langsung di Tik Tok, sejumlah RM3,000 daripada RM5,000 sehingga RM6,000 yang diperolehi mahu diinfak kembali kepada Ucop supaya boleh membantu lebih ramai orang.

Namun murninya usaha Dicky ditolak baik Ucop ; dengan alasan yang tak kurang menyentuh. "Guna ini untuk keluarga, awak ada anak, dengar cakap saya," lebih kurang begitu ucap Ucop kepada Dicky selepas melakukan akad menerima infak dan memulangkannya kembali.

"Saya lakukan kerja ini sudah tujuh tahun tanpa minta balasan. Semua Tuhan telah aturkan. Bagi yang sedekah dan infak nampak kecil tapi besar sebenarnya. Terima kasih untuk semua," katanya lagi merendah diri.

Daripada situasi ini, banyak pelajaran yang boleh direnungkan. Terutama tentang berkat menjadi orang baik. Tentang kepercayaan bersedekah mesti hanya hidup berkecukupan akan mendapat pulangan berganda ; tidak kisah dari segi kesihatan atau wang ringgit. Dan tentang memiliki empati adalah hal yang akan dapat menyelamatkan dan menyenangkan dunia.

Dan lihatlah, hanya kerana melakukan pekerjaan dengan setulus hati demi Allah SWT, mimpi ibu Ucop untuk menunaikan umrah Allah berkenan sekelip mata - percuma dua beranak itu akan berangkat ke tanah suci menjadi tetamu Allah, nanti.

Setelah memuliakan ibu, Ucop tidak lupa menghargai isteri. "Terima kasih doa semua orang, terutama isteri saya. Tanpa isteri saya tiada di sini," kata lelaki yang kalau memakai perkataan generasi sekarang, tersangatlah 'green flag'.

Apapun, penulis juga nak ucapkan terima kasih kepada Abang Minyak Hitam Jalanan. Anda menunjukkan bahawa empati, sikap sederhana dan paling penting yakin dengan rezeki Allah adalah sebaik-baik nikmat untuk menjalani hidup yang keras ini dengan sebaiknya. Semoga Ucop terus menjadi inspirasi buat kita semua - berbuat baik maka tiada satu kerugian pun akan Allah hantar mendekati kita. Sebaliknya, hanya dengan menjadi orang baik, rezeki dari seluruh alam akan bersama kita. - MALIAH SURIP





Pengarah: Phontharis Chotkijarsadarsopon
Pelakon: Witthawat Rattanaboonbaramee, Bhuripat Vejvongsatechavat, Atiwat Saengtien
Genre: Seram/ Komedi/ Aksi

Setahun selepas pertempuran maut yang akhirnya menewaskan roh pendendam Nak Tinn, kitaran dendam kembali menghantui. Kali ini, Balloon, First dan Tho Min Jun berdepan dengan roh Nak baharu yang memburu mereka. Mujur Noht muncul tepat pada masanya untuk menyelamatkan keadaan, namun ancaman sebenar jauh lebih berbahaya.

Pengarah: Hanny Saputra
Pelakon: Acha Septriasa, Kevin Julio, Abun Sungkar
Genre: Drama

Tiga beradik, Alya, Adam, dan Azzam, yang terdesak untuk mendapatkan wang memutuskan untuk merompak wang simpanan ibu mereka. Mereka menganggapnya sebagai mengambil harta pusaka. Ibu mereka sedih, dan tiga beradik itu berpura-pura mengambil berat dengan bergilir-gilir menemaninya. Semasa mereka bersama, satu rahsia besar terbongkar, memaksa mereka membuat keputusan sama ada untuk mengakui kesilapan mereka sebelum terlambat.

Pengarah: Antoine Fuqua
Pelakon: Jaafar Jackson, Colman Domingo, Nia Long, Miles Teller
Genre: Biografi

filem ini mengisahkan perjalanan hidup dan kerjaya Michael Jackson, bermula sejak menyertai kumpulan The Jackson 5 hingga ke saat kematiannya, beberapa minggu sebelum konsert terakhirnya bermula.

Ia menyorot detik-detik penting dalam kehidupan Raja Pop itu, termasuk pelancaran album-album yang mencipta rekod, jelajah konsert di seluruh dunia serta kontroversi undang-undang yang melingkari separuh kedua kerjayanya.

Parisa Ardina, Amir Masdi, 'Rencong' & 'Khianat Yang Terpilih' Penguasa Carta GMW Minggu Ini

Carta Gempak Most Wanted minggu ini menyaksikan perubahan menarik apabila Parisa Ardina, Hazim Szali, Nasz Kenyang, Syakira Ridzal dan Hariezal masing-masing mendominasi kategori Digital Creator mengikut segmen Beauty, Sports & Fitness, Entertainment, Fashion dan Foodie.

Dalam kategori muzik, lagu 'Gelisah Jiwa Meronta Asmara' oleh Siti Nordiana dan Tomok berada di tangga pertama, manakala video muzik 'Rencong' nyanyian Datuk Seri Siti Nurhaliza turut mengungguli carta.

Bagi kategori selebriti, Amir Masdi muncul sebagai pilihan utama diikuti Que Haidar, sementara drama 'Khianat Yang Terpilih' terus kekal di puncak sebagai tontonan paling trending.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty)

- No 5 - Sabrina Mahadzir
- No 4 - Awa Zaharie
- No 3 - Marissa Dania
- No 2 - Nina
- No 1 - Parisa Ardina

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports & Fitness)


- No 5 - Yen Neymar
- No 4 - Nasseb Ali
- No 3 - Seerah Mahir
- No 2 - Riedzwan
- No 1 - Hazim Szali

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

- No 5 - Roy
- No 4 - Amiruddin Azizi
- No 3 - Badron Munirah
- No 2 - Bangraf
- No 1 - Nasz Kenyang

TOP 5 Digital Creator Trending (Fashion)

- No 5 - Fahd
- No 4 - Nia Atasha
- No 3 - Dania Ziqqra
- No 2 - Sherry Amin
- No 1 - Syakira Ridzal





Rocketfuel Mendominasi Muzik Raya, Perkenal Single & Naskhah Terbaru Artis Di Bawah Naungan

Rocketfuel Entertainment meraikan Aidilfitri tahun ini menerusi inisiatif istimewa 'Macam Macam Raya Bersama Rocketfuel Entertainment' yang menghimpunkan pelbagai pencapaian membanggakan serta pengumuman eksklusif melibatkan barisan artis di bawah naungan mereka.

Kempen Raya tahun ini menyaksikan kejayaan luar jangkaan apabila tujuh lagu Raya terbitan Rocketfuel berjaya mencatatkan lebih 13 juta penstriman digital secara keseluruhan. Kejayaan itu sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat ini sebagai antara peneraju kandungan hiburan tempatan yang relevan dan dekat dengan citarasa semasa.

Antara lagu-lagu tersebut termasuk Rindu Raya (ALPHA), Kampung Kita (Wani Kayrie), Raya Macam Raya (Hael Husaini x ALPHA), Duit Raya (Sharul Kamal & Mierul Aiman), Senyum Gugur Di Penghujung Doa (Dayang Nurfaizah), Restu Raya (Nadeera), dan Lagu Raya Untukmu (Hael Husaini).

Meneruskan momentum ini, Rocketfuel Entertainment tampil dengan pelbagai pelancaran muzik baharu sepanjang tahun. Bintang meningkat naik, Qal G yang merupakan finalis program Big Stage Alpha tampil dengan single terbaru 'Seharusnya Aku' iaitu kesinambungan kepada debut single pertamanya iaitu Sepi'.

Selain Qal G, Awienit turut melakar langkah pertama dalam industri apabila bakal melancarkan single sulungnya di bawah Rocketfuel Entertainment tidak lama lagi. Di peringkat antarabangsa, duo vokal lelaki dari Korea Selatan, HoonDoo telah melancarkan lagu baharu berjudul Jejak Yang Tertinggal sebagai runut bunyi (OST) untuk drama bersiri 'Dendam Seorang Mentua'.

'Dendam Seorang Mentua' yang menampilkan lagu Jejak Yang Tertinggal nyanyian Hoondoo bakal menemui penonton bermula 4 Mei 2026, Isnin hingga Jumaat, jam 6 petang di Astro Prima.

Dalam perkembangan lain, penyanyi Wani Kayrie berjaya ke pentas akhir Anugerah Juara Lagu (AJL40) menerusi lagu viralnya Cak Cak Cekuk yang telah meraih lebih 12 juta tontonan di YouTube dan 2.9 juta penstriman di Spotify.

Sementara itu, penyanyi Nadeera juga bakal melancarkan single terbaharunya Cuba Jadi Aku pada Jun 2026, manakala Hael Husaini pula bakal berkolaborasi dengan seseorang dalam tahun ini. Selain muzik, Rocketfuel Entertainment turut memperkukuhkan kehadiran dalam dunia lakonan dan kandungan digital.

Pelakon, Mierul Aiman bakal muncul dalam filem 'Tarung' bersama Zul Ariffin, manakala pelakon dan penyampai radio, Fazziq Muqris akan membintangi filem 'Kata Hati'.

Finalis Dewi Remaja 2023, Qistina Rania pula bakal tampil dalam filem 'Darah Gagap', sementara Bella Dowanna akan muncul dalam siri 'Ate Kome' di platform Viu. Sementara itu, Evertts Gomes dan Hawa Rizwana pula akan bergandingan dalam siri romantik "PL I Love You".

Pelakon baharu, Arabella Ellen pula bakal membintangi drama 'Wishlist' arahan Michael Ang yang akan ditayangkan di slot MegaDrama Astro Ria. Selain itu, Arabella bersama beberapa pelakon di bawah naungan Rocketfuel Entertainment turut aktif membintangi beberapa drama mico series di platform Sooka.

Rocketfuel turut memperkenalkan atlet bola sepak wanita negara, Qaseh Rania sebagai wajah baharu di bawah naungan mereka, mencerminkan komitmen syarikat dalam mengetengahkan bakat daripada pelbagai latar belakang.



Hanya Lagu Raya Tapi Siti Nurhaliza Tetap Menang Besar!

Konsert Beraya Dengan Saya Dato Sri Siti Nurhaliza yang berlangsung di Zepp Kuala Lumpur membuktikan satu perkara mudah: apa sahaja yang dilakukan oleh Siti Nurhaliza, pasti mendapat sambutan luar biasa. Walaupun diumumkan dalam tempoh singkat, tiket habis dijual dan peminat hadir penuh bergaya dengan busana raya.

Konsert ini direalisasikan hasil permintaan lama peminat yang mahukan himpunan lagu raya Siti dipersembahkan secara eksklusif dalam suasana Aidilfitri yang meriah dan santai.

Sepanjang lebih dua jam persembahan, Siti hanya menyanyikan lagu raya tanpa memasukkan lagu hit biasa, namun tetap berjaya memukau penonton dengan vokal yang bersih dan penuh emosi.

Lagu seperti Sesuci Lebaran, Air Mata Syawal dan Mekar Hari Raya mendapat reaksi luar biasa, termasuk permintaan khas peminat yang akhirnya ditunaikan.

Persembahan turut diserikan dengan penampilan artis seperti Aisha Retno serta kolaborasi bersama bakat muda, menjadikan konsert ini lebih segar dan merentas generasi.

Walaupun konsepnya santai, kualiti persembahan tetap dijaga rapi dengan susunan muzik oleh Caan dan Leman Band yang menghidupkan lagu tanpa berlebihan.

Lebih daripada sekadar konsert, acara ini berjaya mencipta suasana raya yang dekat dengan peminat, penuh gurauan dan kehangatan.

Akhirnya, kekuatan sebenar Siti bukan sekadar pada vokal, tetapi pada keupayaan mencipta pengalaman yang membuat peminat terus setia dan tidak pernah jemu menyokong perjalanan seninya. - MALIAH SURIP



Memang Kreatif! Paling Unik, M Nasir Adakan Sidang Media Umum Konsert DATO' M.N47IR CIPTA Dalam KTMB!

Selepas kejayaan tiga konsert menerusi jenama Cipta termasuk Cipta Raya yang mencetus fenomena luar biasa pada 2024 dan 2025, penyanyi tersohor negara, Datuk M Nasir kini meneruskan langkah dengan penganjuran konsert DATO' M.N47IR CIPTA 4

Masih di bawah penganjur sama, Icon Entertainment, konsert DATO' M.N47IR CIPTA 4 bakal diadakan pada ulang tahun kelahiran maestro muzik tersohor itu yang ke-68 pada 4 Julai depan di Unifi Arena Kuala Lumpur.

Menariknya, pengumuman konsert berkenaan dibuat menerusi satu sidang media khas di dalam Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ketika perjalanan dari Stesen Kuala Lumpur menuju Stesen Ipoh, pada Khamis.

Pada acara sidang media dinamakan sebagai Ekspres Rakyat (Nasi Ganja) Tok Nasir Ke Ipoh itu, penganjur turut membuat kejutan apabila mengumumkan komposer dan penyanyi legenda Indonesia, Melly Goeslaw sebagai penyanyi undangan pada malam konsert nanti.

Penyanyi digelar 'The Queen of Soundtracks' itu turut hadir memeriahkan sidang media yang diadakan sambil beliau sempat menyanyikan serangkap lagu ciptaan M Nasir yang dipopular kumpulan Search, iaitu Fantasia Bulan Madu dan lagunya sendiri, Butterfly.

Pada konsert bertemakan Batik Injection itu, M Nasir dijangka mempersembahkan antara 30 hingga 40 lagu termasuk medley menerusi konsert berkenaan.

Jualan tiket untuk setiap kategori yang bermula daripada harga RM238 hingga RM588 akan dibuka pada 24 April ini menerusi platform www.ticket2u.com.my.


Lee Je Hoon Tak Kisah Dipanggil 'Abang Taxi', Suka Makanan Malaysia

Sambutan ulang tahun ke-20 pembabitan pelakon Korea terkenal, Lee Je Hoon dalam dunia seni melakarkan momen manis apabila diraikan bersama dengan peminatnya. Acara 'Our 20th Moment 2026 Lee Je Hoon Fanmeeting in Kuala Lumpur' menjadi bukti di mana Je Hoon sendiri hadir ke Malaysia sebagai tanda menghargai peminat di negara ini.

Dalam acara tersebut, Je Hoon menyatakan rasa terharu melihat sokong yang diberikan oleh peminat di Malaysia terhadap drama popularnya iaitu Taxi Driver yang memasuki musim ketiga. Malah, kata Je Hoon juga, dia turut mengetahui dirinya digelar sebagai 'abang teksi' dalam kalangan peminat di negara ini.

"Terima kasih kepada peminat di Malaysia yang memberikan sokongan untuk drama Taxi Driver dan saya juga tahu yang nama panggilan saya adalah 'Abang Teks' di sini," ujarnya. Dalam pada itu, Lee Je Hoon juga menyatakan rasa syukur kerana dirinya masih lagi diterima peminat biarpun sudah 20 tahun berada dalam industri seni.

Tidak cukup dengan itu, Je Hoon dengan seikhlas hati menyatakan rasa suka dan teruja menikmati pelbagai hidangan popular tempatan termasuk nasi lemak, roti canai dan karipap yang menurutnya mempunyai rasa autentik. Lebih manis lagi, pada acara berkenaan, Je Hoon sempat mendengarkan lagu Coffee with Me dan Beautiful.



Tun Laila

@yarafae 

Bukan Semua Layak! Ini Penjelasan Tentang Bon Kelakuan Baik

Peguam dan personaliti media sosial, Tun Laila tampil berkongsi penjelasan ringkas mengenai istilah "bon kelakuan baik" yang sering digunakan dalam sistem perundangan, namun kurang difahami oleh orang ramai.

Menurut Tun Laila, bon kelakuan baik merupakan satu perintah mahkamah yang diberikan kepada tertuduh atau Orang Kena Tuduh (OKT) sebagai alternatif kepada hukuman penjara atau denda.

Apa itu bon kelakuan baik?

Secara mudah, bon kelakuan baik ialah peluang kedua yang diberikan oleh mahkamah kepada individu tertentu untuk tidak menjalani hukuman, dengan syarat mereka berkelakuan baik dalam tempoh yang ditetapkan.

Namun, tidak semua tertuduh layak menerima perintah ini. Ia biasanya dipertimbangkan untuk kes tertentu sahaja.

Siapa yang berpotensi layak?

- Antara golongan yang sering dipertimbangkan ialah:
- Pesalah muda (contohnya berumur sekitar 18 atau 19 tahun)
- Individu yang pertama kali melakukan kesalahan
- Warga emas

Dalam situasi ini, peguam boleh memohon kepada mahkamah agar anak guam mereka diberikan bon kelakuan baik.

Siapa yang tidak layak?

Tun Laila menegaskan bahawa pesalah berulang (repeat offender) kebiasaannya tidak akan diberikan peluang ini. Jika seseorang sudah beberapa kali melakukan kesalahan, peluang untuk mendapatkan bon kelakuan baik adalah sangat tipis.

Bagaimana bon ini berfungsi?

Bon kelakuan baik melibatkan jaminan kewangan. OKT atau ahli keluarga perlu membayar sejumlah wang sebagai jaminan kepada mahkamah.

Sepanjang tempoh bon (contohnya dua atau tiga tahun), individu tersebut:

- Tidak boleh melakukan sebarang kesalahan jenayah
- Perlu menjaga tingkah laku

Jika syarat ini dilanggar:

- Bon akan ditarik balik
- Wang jaminan akan dirampas oleh kerajaan

Dalam masa sama, Tun Laila mengingatkan bahawa bon kelakuan baik bukanlah cara untuk seseorang terlepas daripada hukuman dengan mudah.

Ia sepenuhnya bergantung kepada budi bicara mahkamah, dan bukan satu hak yang wajib diberikan walaupun seseorang itu muda, pertama kali melakukan kesalahan, atau warga emas.






Mum Becomes Lawyer To Save Son

A Malaysian housewife, Azlina Abdul Aziz, changed her life after her son was charged with murder in 2016.

Despite not having an SPM certificate, she began studying law at age 43 through a special pathway to better understand and fight for her son's case.

Her determination paid off when her son was acquitted in 2022. Today, she runs her own law firm, using her personal experience to help others facing legal struggles.




6 KL Cafes With Good Coffee & Great Music

Vinyl cafes are becoming a rising trend in Kuala Lumpur, offering more than just coffee with a nostalgic music experience.

Spots like Listen HiFi, Eternyl Vinyl Cafe, Vintage Kissa Audio Cafe, MONK, V88 Cafe & Bar, and The Groove Room combine curated vinyl collections, unique atmospheres, and quality drinks.

Some offer dedicated listening sessions, while others focus on ambience and food, making them ideal hangout spots for music lovers and cafe hoppers looking for something different.



KL's Loyal 'Traffic Dog' Begins New Life

A stray dog named Jon captured hearts after being seen "working" alongside traffic police in Kuala Lumpur for nearly two years, often greeting motorists and standing loyally at busy intersections in Jalan Parlimen.

Known for showing up early every morning, Jon quickly became a familiar sight and was even rewarded with treats by passing drivers.

Following his viral fame, he was recently rescued by an independent rescuer after a three day effort and is now receiving treatment for tick fever, wounds, and being underweight.

Renamed Chase, the dog will undergo recovery, vaccination, and neutering before being put up for adoption, marking the end of his unofficial "traffic duty" and the start of a safer new life.

Read more at rojakdaily.com.